

26/04/2000

Henti kempen, elak politik wang

SAYA ada satu pengumuman yang saya anggap penting dalam usaha untuk menentukan tidak ada politik wang dalam Umno. Walaupun semua telah memberi pengakuan tidak akan menggunakan wang untuk mendapat sokongan, tetapi kita dapati cerita-cerita bahawa wang telah diguna oleh orang itu, orang ini, walaupun susah bagi kita mendapat bukti yang jelas.

Saya berpendapat bahawa cerita-cerita ini ada yang betul, ada yang tidak. Kita tak nak sesiapa menjadi pemimpin negara kita ini yang naik dengan menggunakan rasuah. Kita tidak mahu pemimpin rasuah di negara ini. Yalah kalau pada peringkat bawah mungkin tak begitu masalah sangat. Tetapi kita tahu bahawa pemimpin Umno ada kemungkinan menjadi menteri, ada kemungkinan menjadi Timbalan Perdana Menteri dan juga Perdana Menteri. Kalau dia naik melalui korupsi, maka kita akan mendapat pemimpin yang terbabit dengan rasuah, pemimpin yang terbabit dengan rasuah tidak mungkin jadi pemimpin yang baik.

Ini telah saya jelaskan kepada semua calon Naib Presiden dan juga Ketua Wanita yang bertanding, Naib Ketua wanita dan Naib Ketua Pemuda. Saya berjumpa dengan mereka semalam. Setelah memberi penerangan ini, mereka sendiri membuat cadangan supaya mereka memberi pengakuan tidak akan mengadakan sebarang kempen, memberhentikan kempen oleh diri mereka sendiri, oleh penyokong-penyokong mereka, oleh ketua-ketua bahagian dan lain-lain orang yang terbabit.

Tetapi kita juga sedar, ada juga perwakilan, orang yang telah dipilih untuk hadir dalam mesyuarat agung ini iaitu lima daripada yang memegang jawatan-jawatan tertentu dan tujuh lagi daripada orang yang dipilih pada peringkat bahagian. Kita tahu bahawa mereka juga telah pergi ke sana ke sini berjumpa dengan calon untuk mendapat sesuatu bagi diri mereka.

Jadi kalau pun calon tidak menghulurkan wang, kadangkala mereka terpaksa melayan orang ini. Sebab itu, mereka ini juga bercadang supaya orang-orang ini tidak boleh bertemu dengan calon lagi, tidak boleh pergi ke rumah calon, tidak pun boleh ada hubungan cara lain seperti faksimili atau telefon dengan calon. Calon juga tidak boleh telefon orang yang akan menjadi wakil dalam mesyuarat agung untuk berkempen.

Kita tahu sekarang ini telefon semua orang guna, boleh bercakap berjam-jam pun dengan telefon dan saya sendiri telah menggunakan telefon untuk kempen di Ranau (Sabah) melalui telefon dan berkesan nampak berkempen melalui telefon, kita menang di Ranau. Jadi kita tak benar penggunaan telefon untuk kempen.

Ini adalah pengakuan yang diberi oleh mereka yang saya akan edar kemudian. Pengakuan mereka berbunyi:

"Demi menjamin kepentingan parti, agama dan negara, kami bersetuju dan berikrar supaya:

- \* Tidak meneruskan kempen dalam apa juga bentuk;
- \* Tidak mengamalkan politik wang dan politik rasuah;
- \* Menghentikan apa-apa juga gerakan kempen oleh penyokong, wakil, ejen secara langsung atau tidak langsung, dan
- \* Tidak akan menghubungi perwakilan atau membenarkan perwakilan menghubungi kami, dengan apa cara sekalipun, termasuk lawatan ke rumah calon-calon, penggunaan telefon, faksimili dan sebagainya.

Kami akan bertanding atas asas kekeluargaan dan akan mengutamakan silaturahim antara pemimpin-pemimpin Umno. Kami tidak akan menggunakan apa-apa kemudahan rasmi untuk kepentingan pertandingan. (Ini kadang-kadang

dia suruh Kemas, ada mesyuarat dengan Kemas dan sebagainya kononnya kerana nak jalankan tugas, tetapi itu pun kita haramkan melainkan acara-acara rasmi yang tidak ada kena mengena dengan parti).

Kami rela menerima apa juga keputusan perwakilan dan akan berusaha menyatupadukan parti dan merapatkan barisan selepas pertandingan. Semoga Allah SWT merestui perjuangan Umno."

Ini adalah salinan yang sah yang saya terima semalam dan semuanya yang telah menandatangani pengakuan ini iaitu Rafidah Aziz, Syed Hamid Albar, Ghani Othman, Rais Yatim, Shahrizat Jalil, Muhyiddin Yassin, Osu Sukam, Muhammad Taib, Abu Hassan Omar, Mohd Isa Samad, Mohd Najib Razak, Abdul Aziz Fadzir, Zein Isma Ismail, Ainon Khariyah Abbas dan Siti Zaharah Sulaiman.

Semua sembilan calon Naib Presiden ada. Ini adalah pengakuan.

Sebagai tambahan kepada itu, untuk mengelak daripada kempen diadakan juga, saya telah putuskan supaya semua konvensyen Umno ditangguhkan sehingga selepas mesyuarat agung Umno, kerana saya berpendapat bahawa konvensyen Umno akan digunakan untuk berkempen. Jadi semua konvensyen Umno tidak boleh diadakan sehingga selepas perhimpunan.

Lawatan untuk berjumpa dengan calon, semua itu termasuk dalam pengakuan yang dibuat, tak boleh dibuat.

Di sini saya nak minta kerjasama akhbar kerana akhbar juga telah menyumbang kepada perjuangan ini dengan membuat analisis, dengan televisyen pun ada macam-macam program, analisis orang itu, orang ini. Ini sudah tentu menimbulkan masalah untuk calon, masing-masing nak supaya dia juga dapat publisiti dan sebagainya. Jadi saya mintalah...jika anda mahu membincang 'the merit and demerit of Umno', dengan apa cara boleh tetapi jangan bincang mengenai 'merit and demerit' pemimpin Umno. Sesiapa saja sama, kalau jadi pemimpin Umno.

Saya telah nasihatkan mereka iaitu kalau mereka tak kempen, orang lain kempen. Orang lain pun kata macam itu juga, kalau mereka tak kempen orang lain kempen. Jadi saya kata, semua jangan kempen. Tidak sesiapa pun boleh kempen dan ini telah diterima oleh mereka kerana sekarang ini, wakil pun dah pandai...dia minta daripada semua orang...akhirnya semua orang memberi kepada wakil. Jadi dia punya pemilihan tidak lagi bergantung kepada apa yang kita bagi, rugi saja. Kalau sesetengah itu, minit terakhir kena bagi...itu yang satu-satunya yang buat penentu. Tetapi minit terakhir pun, semua orang bagi dan akhirnya tak ada apa juga...kalau anda tak bagi pun, macam itu juga keputusannya.

Jadi saya nak tentukan seberapa yang boleh supaya orang yang menang ini, menang kerana 'merit' mereka, kerana mereka sudah berkhidmat secara yang diiktiraf oleh ahli-ahli Umno. Orang ini saja patut menang dan sesiapa saja yang menang, yang lain mesti sokong orang yang menang. Jadi, itu yang sudah dipersetujui.

Saya berdoa supaya, kita dapat, saya tak yakin bahawa tidak ada kempen sama sekali tetapi kalau saya dapati ada kempen, saya akan dedah orang yang kempen itu dan saya akan beritahu kepada mesyuarat agung Umno mengenai orang-orang tertentu yang berkempen. Dan, dalam mesyuarat agung Umno seperti mana yang telah saya jelaskan, saya akan tekan berkenaan dengan penggunaan wang untuk mendapat sokongan, kenapa ia begitu buruk dan saya akan nasihat supaya ahli-ahli yang hadir menolak orang yang memberi wang kepada mereka. Kalau tak buat macam itu, sampai bila pun penggunaan wang ini akan berlaku. Saya tekankan mengenai perlunya sikap ini ditunjuk pada peringkat atasan. Kita tak boleh kata orang di bawah patut henti, tetapi orang atasan mesti berbuat demikian sehingga kalau dia orang marah pun, kerana marah kepada semua, tak marah kepada satu orang saja.

Saya belum panggil lagi calon-calon Majlis Tertinggi, saya akan panggil untuk berusaha untuk mendapat mereka juga untuk membuat pengakuan supaya

berhenti berkempen. Jadi mulai sekarang sehingga 11 Mei ini, tidak ada kempen.

Soalan: Siapa yang akan mengawasi calon-calon yang terbabit dalam kempen serta penggunaan politik wang?

Dr Mahathir: Kita ada orang-orang yang nak mengawas. Kita tak nak dedahkan siapa dia. Kalau kita bagi tahu, orang itu akan menarik perhatian calon. Tetapi saya tahu umpamanya pada waktu ini, tiap-tiap hari boleh dikatakan ada 600 orang wakil yang berada di Kuala Lumpur, berjumpa dengan orang itu, berjumpa dengan orang ini. Saya juga tahu bahawa wakil-wakil rakyat asyik dengan berkempen sehingga tak hadir dalam Dewan Rakyat. Saya dapat maklumat ini daripada banyak punca. Pendekatan selalu saya ialah jika ada tiga sumber yang berbeza yang membuat laporan yang sama, saya anggap ia sebagai sah. Jadi saya akan menggunakan kriteria yang sama.

Soalan: Mereka sukar nak buktikan politik wang. Jadi bagaimana nak kenal pasti kerana orang yang menerima juga tidak mahu mengaku?

Dr Mahathir: Itu sebab saya nak pisahkan dia orang supaya dia tak boleh berjumpa. Dalam pengakuan ini, mereka tidak boleh berjumpa antara calon dengan perwakilan. Kalau perwakilan datang rumah pun, mereka mesti beritahu kepada perwakilan, "maaf saya tak boleh berjumpa, ini arahan parti". Telefon pun tak boleh.

Soalan: Kempen menggunakan faksimili, bagaimana nak kenal pasti?

Dr Mahathir: Kita tak boleh periksa semua tetapi kita akan dapat maklumat. Orang yang dapat maklumat itu, "as far as I am concerned he is finished".

Soalan: Datuk Seri akan dedahkan nama mereka yang berkempen itu, adakah ini sudah cukup sebagai satu hukuman?

Dr Mahathir: Ya...itulah yang terbaik yang kita dapat buat. Kita nak jamin bahawa rasuah dihapuskan. Kita selama ini pun kita tahu walaupun ada BPR, ada macam-macam usaha, tetapi rasuah ada juga, pasal ada orang yang fikir, mereka boleh terlepas. Tapi ada orang ditangkap. Jika mereka nak ambil risiko, mereka boleh ambil risiko.

Soalan: Tapi Datuk Seri ini akan memberi `disadvantages' kepada calon yang bukan terdiri daripada menteri atau timbalan menteri yang boleh berjumpa menggunakan saluran rasmi?

Dr Mahathir: Menteri pun kita ada benda yang tiada kaitan dengan tugas rasmi, dia tak boleh. Tetapi kita harus ingat bahawa dalam Umno ada orang yang `prominent', ada orang yang tidak. Tetapi terpulanglah kepada ahli Umno untuk menilai sesuatu itu...kalau ternampak menteri itu terlalu sangat nak ada satu acara itu, acara ini, promosi itu, promosi ini, wakil harus `discount' benda itu, jangan bagi dia kredit kerana dia menjalankan tugas. Ada orang yang tidak dikenali, orang ini bermakna dia belum lagi berkhidmat kepada rakyat. Kalau dia berkhidmat kepada rakyat, betul-betul berusaha, saya yakin dia tidak akan jadi tidak dikenali langsung.

Soalan: Ada sembilan calon Naib Presiden dan apakah calon yang tewas nanti akan terjejas jawatannya dalam kerajaan dan yang menang akan diberi jawatan bagi yang tiada jawatan dalam kerajaan sekarang?

Dr Mahathir: Itu saya tak bagi pengakuan, siapa menang, siapa kalah akan dapat apa atau akan hilang apa. Saya tak nak langsung kaitkan antara kemenangan dengan mendapat jawatan. Sebabnya ialah kalau dah tentu akan dapat jawatan, mereka akan berhempas pulas dapat kemenangan. Yang saya tekankan ialah mereka harus sanggup bahawa daripada sembilan orang, enam akan kalah. Dan yang kalah itu, mesti rapatkan barisan dan sokong yang menang kerana parti, bukan kerana orang itu.

Soalan: Semua calon Naib Presiden yang turut dicalonkan untuk bertanding 25 jawatan dalam Majlis Tertinggi, menolak pencalonan itu. Mungkin ada yang berbuat demikian konon jika tewas sekalipun, mereka dijangka turut dilantik menduduki jawatan dalam Majlis Tertinggi?

Dr Mahathir: Itupun, bukan sesuatu yang termasuk dalam perlembagaan Umno. Kalau kita tak suka nak buat, kita tak buat.

Soalan: Dengan kempen diberhenti termasuk untuk pertandingan bagi pergerakan Pemuda dan Wanita, apakah ini bermakna semua akan bermain di padang yang sama taraf?

Dr Mahathir: Lebih kuranglah. Padang tu macam itu...lembut sikitlah. Saya tak boleh bayangkan, apa-apa keadaan, yang boleh menghapuskan rasuah sama sekali kerana asasnya demokrasi adalah sistem berdasarkan rasuah. Anda beri undi kepada saya, saya akan guna wang kerajaan untuk beri sesuatu kepada anda. Bukankah itu rasuah? Saya buat jalan kat sini, anda bagi undi kat saya. Bukankah itu rasuah? Anda membeli undi, dengan berjanji memberi wang kerajaan bagi kepentingan dia...itu rasuah saya fikir. Anda setuju?

Demokrasi ini adalah yang terbaik yang kita fikirkan tetapi ia bukannya sesuatu yang 'perfect'. Yang terbaik boleh kamu katakan mengenai demokrasi ialah jika anda tidak suka pemimpin, anda boleh undikan dia keluar. Tetapi harus ingat, untuk mengundinya keluar, anda akan berhadapan dengan orang yang anda undi.

Masa Tunku Abdul Rahman, saya tahu ada orang yang enggan menjadi wakil rakyat dengan alasan tidak layak. Tetapi sekarang, orang yang tidak mempunyai kelayakan, tetapi mempunyai wang akan berusaha mendapatkannya. Ini adalah budaya baru bagi Umno dan ia akan menjadi budaya yang membabitkan mana-mana parti yang berkuasa. Parti yang tidak berkuasa akan bercakap banyak mengenai rasuah terhadap parti yang berkuasa. Sebaik mereka menjadi parti yang berkuasa, mereka akan jadi rasuah dan mengkritik kerajaan lalu.

Soalan: Ada yang kata, masuk Umno nak memperkayakan diri sendiri?

Dr Mahathir: Inilah kita usaha. Kita tak boleh dapat satu ubat yang mujarab yang tetap akan menghilangkan penyakit itu. Tetapi kita cuba. Jika semua masyarakat rasuah, tidak guna. Ada sesetengah negara, rasuah bagaikan cara hidup.

Soalan: Masalahnya juga ada 'power broker' memainkan peranan di belakang untuk membuat apa saja bagi memenangkan calon tertentu?

Dr Mahathir: Sekarang mereka tidak boleh berjumpa calon dan kita sudah beritahu calon 'power broker' ini menyokong semua calon untuk mendapat duit untuk diri mereka sendiri. Anda sokong calon yang tidak betul, dia tak naik, esok kita tak dapatlah bayaran balik. Anda mahu dapat balik pelaburan. Ada orang berbelanja wang untuk calon tertentu, konon jika calon itu naik, dia ada peluang untuk mendapat sesuatu bagi dirinya.

Soalan: Selain nama didedahkan, adakan calon yang melanggar pengakuan ini akan hilang kelayakan untuk bertanding?

Dr Mahathir: Buat masa ini, kita tak ada peruntukan tetapi seperti mana yang kita tahu kalau kita dapati penyalahgunaan wang, maka orang itu akan dihadapkan ke satu badan yang akan menyiasat. Kod etika masih ada. Ini bukan ganti tetapi memperkukuhkan matlamat kita.

Soalan: Bagaimana pula dengan orang pengantara antara calon dan perwakilan?

Dr Mahathir: Ya...sekarang ini pun ada orang pengantara tetapi kita dah bagi tahu, dia kena pegang kepada ikrar dia. Kita akan dapat maklumat, semua maklumat. Mungkin ada orang yang cuba bersembunyi, tetapi kalau kita dapat, maka kita ambil tindakan. Saya yakin mereka memberi pengakuan semalam secara ikhlas dan saya sendiri akan mengawasi, memantau.

Soalan: Mungkinkah BPR boleh diguna untuk menyiasat politik wang dalam Umno?

Dr Mahathir: Kalau ada kes yang terang-terang...tetapi kalau kita ada laporan kepada BPR, jika tiada kes yang terang mungkin timbul banyak masalah kepada parti. Pada masa yang sama, kita mempunyai badan tertentu

yang akan mengawasi perkara ini dan kita kena jaga juga kepentingan parti. Kadang-kadang banyak tuduhan juga bahawa kerana iri hati dan lain-lain.

Soalan: Kalau media menemu ramah calon, bagaimana?

Dr Mahathir: Tidak, kita tidak mahu anda temu ramah calon. Calon harus berada dalam keadaan tidak boleh dihubungi. Kerana mereka juga boleh berkempen menerusi media juga. Kita tidak mahu itu. Tetapi dalam kerja biasa, boleh. Contohnya jika Datuk Syed Hamid ditanya mengenai Sipadan, dia boleh jawab. Dia tak boleh kata "saya tak boleh jumpa media", tetapi tiada apa-apa mengenai pemilihan Umno. Saya mintalah kerjasama supaya jangan timbul permusuhan antara calon-calon supaya mereka berasa mereka juga perlu membuat kenyataan. Jadi saya minta kerjasama. Kepada saya, ini benda nasional. Kita nak hapuskan, jika boleh, rasuah di dalam semua tempat. Kalau orang yang bakal jadi pemimpin negara terbabit dengan rasuah, negara kita ini hancur. Sebagai tanggungjawab kepada negara, saya meminta akhbar, tolong bantu kami...jangan buat apa-apa.

Soalan: Boleh tak media membuat penilaian terhadap calon-calon tanpa menemu ramah mereka?

Dr Mahathir: Itu kalau boleh, tak usah. Kalau anda nilai orang itu, orang ini, dia akan berasa gelisah. Cakaplah ini adalah pemilihan Umno, cakap pasal Umno, cakap pasal Pas jika anda mahu..buat perbandingan jika anda mahu, jangan fokus terhadap calon.

(END)